



SHAMSUL (tiga kiri) bersama peserta Kursus Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di UMS Labuan.

18 staf UMS jayakan Kursus Keselamatan dan Kesihatan

UB 29.6.13 B4

LABUAN: Seramai 18 kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menayakan Kursus Keselamatan dan Kesihatan di Bilik Mesyuarat, Tingkat 11, Bangunan Menara UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Kursus dua hari itu dikendalikan Pengarah Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UMS, Prof Madya Dr Shamsul Bahari Shamsudin.

Katanya, kursus itu untuk meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam kalangan penjawat awam di universiti.

Beliau berkata, latihan itu juga memfokuskan kepada pendedahan terhadap Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 514 yang menekankan tanggungjawab majikan, kakitangan dan pelajar UMS.

“Pelaksanaan yang berterusan mampu meningkatkan produktiviti dan untuk menjadikan UMS sebagai pusat rujukan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan,” katanya.

Kursus anjuran Bahagian Latihan, Jabatan Pendaftar UMS dan Bahagian Pentadbiran UMSKAL itu dihadiri kakitangan UMS Kota Kinabalu dan UMS Labuan.